

Untuk Siaran Segera  
30 September 2021

**ASNB ISYTIHAR PEMBAYARAN PENGAGIHAN PENDAPATAN  
RM650.73 JUTA UNTUK  
ASM 3, ASN EQUITY 5 DAN ASN SARA 2**

*Ketiga-tiga dana memberikan pulangan yang kompetitif, mengatasi penanda aras masing-masing*

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetap, Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3) dan dana harga berubah, ASN Equity 5 dan ASN Sara (Mixed Aset Conservative) 2 (ASN Sara 2) bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2021.
- ASM 3 mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM593.04 juta yang memanfaatkan 525,038 pemegang unit. Pulangan sebanyak 4.00 sen seunit ini mengatasi pulangan penanda aras sebanyak 1.85% yang direkodkan oleh Deposit Tetap 12-bulan Maybank bagi tempoh yang sama.
- Dua dana harga berubah, iaitu ASN Equity 5 dan ASN Sara (Mixed Aset Conservative) 2 (ASN Sara 2), mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 11.46% dan 4.04%, mengatasi penanda aras masing-masing iaitu 8.66% dan 1.73%. ASN Equity 5 mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM9.80 juta bersamaan dengan 2.85 sen seunit, manakala ASN Sara 2 mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM47.88 juta bersamaan dengan 2.80 sen seunit.

**Kuala Lumpur, 30 September 2021:** Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM650.73 juta untuk dana unit amanah harga tetap Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3) serta dana harga berubah, ASN Equity 5 dan ASN Sara (Mixed Aset Conservative) 2 (ASN Sara 2) (ASN Sara 2) bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2021.

**Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3)**

ASM 3, salah satu daripada enam dana harga tetap yang diuruskan oleh ASNB, mengumumkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM593.04 juta yang memanfaatkan 525,038 pemegang unit dengan pegangan 14.83 bilion unit. ASM 3

mencatatkan pendapatan direalisasikan bersih sebanyak RM653.27 juta bagi tahun kewangan semasa, yang menunjukkan peningkatan sebanyak 17.87% berbanding tahun lalu. Pulangan sebanyak 4.00 sen seunit ini kekal kompetitif dan mengatasi penanda aras pulangan Deposit Tetap 12-bulan Maybank pada kadar 1.85% sebanyak 215 mata asas bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2021.

### **ASN Equity 5 dan ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 2 (ASN Sara 2)**

ASN Equity 5 dan ASN Sara 2 mencatatkan jumlah pulangan masing-masing sebanyak 11.46% dan 4.04% untuk tahun kewangan berakhir 30 September 2021, yang telah mengatasi penanda aras masing-masing sebanyak 8.66% dan 1.73%. Pulangan ini ditanda aras berbanding Indeks 100 Teratas FTSE Bursa Malaysia (FBM 100) dan Deposit Tetap 12 bulan Maybank, pada nisbah yang disesuaikan untuk setiap dana.

Dalam tempoh yang sama, FBM KLCI mengukuh sebanyak 2.79% daripada 1,504.82 mata kepada 1,546.82 mata berikutan prestasi yang tidak menentu akibat peningkatan kes harian COVID-19 yang menyebabkan perintah kawalan pergerakan ketiga. Walau bagaimanapun, pasaran global menunjukkan prestasi yang lebih baik apabila *MSCI All Country World Index (MSCI ACWI)* meningkat 29.0% dalam tempoh yang sama, didorong oleh pembukaan semula ekonomi global berikutan pengagihan vaksin menunjukkan kemajuan.

Dengan pulangan ini, ASNB mengisytiharkan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM9.80 juta kepada pemegang unit ASN Equity 5, yang bersamaan dengan 2.85 sen seunit kepada 11,202 pemegang unit dengan pegangan 343.80 juta unit. Manakala, pemegang unit ASN Sara 2 akan menerima jumlah pembayaran agihan pendapatan sebanyak RM47.88 juta, bersamaan dengan 2.80 sen seunit kepada 42,860 pemegang unit dengan pegangan 1.71 bilion unit. Pulangan ini adalah bersamaan dengan hasil dividen sebanyak 2.95% untuk ASN Equity 5 dan 2.75% untuk ASN Sara 2, berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) dana pada 23 September 2021.

Pengagihan pendapatan ini diperoleh daripada dana keuntungan direalisasi, dividen dan pendapatan lain daripada pelaburan tempatan dan antarabangsa yang secara amnya didorong oleh pemulihan pasaran kewangan global dan domestik secara beransur-ansur. Pendapatan daripada pelaburan antarabangsa meningkat secara ketara dengan sumbangan di antara 32% dan 73% untuk dana masing-masing bagi tahun kewangan semasa. Kesan positif dari inisiatif kepelbagaian yang dilakukan menerusi Pelan Strategik Jangka Panjang PNB terbukti dengan peningkatan prestasi kedua-dua dana ini, membuktikan komitmen tinggi institusi tersebut untuk memberikan pulangan mampan yang berterusan kepada pemegang unitnya.

## **Pengiraan Pengagihan Pendapatan dan Penangguhan Urus Niaga Dana**

Pengagihan pendapatan bagi ASM 3 dikira berdasarkan purata baki minimum bulanan sepanjang tahun kewangan, manakala untuk ASN Equity 5 dan ASN Sara 2, pengiraan berdasarkan jumlah unit yang dimiliki pada hujung tahun kewangan dana tersebut. Pengagihan pendapatan yang diumumkan akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit dan dikreditkan secara automatik pada 1 Oktober 2021 untuk ASM 3, dan pada 2 Oktober 2021 untuk ASN Equity 5 dan ASN Sara 2.

Urus niaga di semua cawangan dan ejen ASNB seluruh negara telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 23 hingga 30 September 2021 untuk ASM 3 dan dari 29 September hingga 1 Oktober 2021 untuk ASN Equity 5 serta ASN Sara 2 bagi memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh mengemas kini akaun mereka di [www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my), melalui aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan ASNB atau ejen ASNB di seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula pada 1 Oktober 2021 untuk ASM 3, dan 2 Oktober 2021 untuk ASN Equity 5 dan ASN Sara 2.

-Tamat-

### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

### **Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 16 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 260 bilion dan melebihi 14 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

### **Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3)**

ASM 3 adalah dana unit amanah harga tetap yang dilancarkan pada 5 Ogos 2009. Ia merupakan dana aset campuran yang sesuai untuk pelabur jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang, yang memahami pulangan dan risiko pelaburan, dan juga yang ingin mendapatkan pulangan dari pengagihan pendapatan, sekiranya ada.

### **ASN Equity 5**

ASN Equity 5 adalah dana unit amanah harga berubah yang dilancarkan pada 24 September 2018. Ia merupakan dana ekuiti yang sesuai untuk pelabur yang mencari peningkatan modal berpatutan dan agihan pendapatan melalui kepelbagaian portfolio pelaburan, mempunyai tahap toleransi risiko yang tinggi dan memahami risiko-risiko pelaburan.

### **ASN Sara (Mixed Aset Conservative) 2 (ASN Sara 2)**

ASN Sara 2 adalah dana unit amanah harga berubah yang dilancarkan pada 24 September 2018. Ia adalah dana seimbang aset campuran yang sesuai untuk pelabur yang mencari peluang pelaburan yang menghasilkan pertumbuhan dan pulangan jangka panjang yang munasabah bagi memenuhi sebahagian atau semua keperluan kecairan berkala dan membolehkan mereka untuk memenuhi keperluan perancangan kewangan pendidikan mereka atau pendidikan anak-anak mereka.

## **Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

# PENGAGIHAN PENDAPATAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2021

## DANA HARGA TETAP



**ASM 3**


Agihan Pendapatan

**4.00** sen  
seunit

Jumlah Pengagihan

**RM 593.04** juta

## Agihan Pendapatan berbanding Penanda Aras



Nota: <sup>1</sup> Kadar Deposit Tetap 12-Bulan Maybank setakat 30 September 2021.



**ASM 3**

Prospektus Induk Gantian ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Kenyataan Penafian Pengiklanan Produk ASNB dan Perkhidmatan Berkaitan

Berdasarkan Garis Panduan Pengiklanan bagi Produk Pasaran Modal dan Perkhidmatan Berkaitan, sebarang iklan dan bahan promosi yang dihasilkan oleh ASNB telah disemak oleh Jabatan Pematuhan, Permodalan Nasional Berhad dan tidak perlu disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Amanah Saham Nasional Berhad (197901003200 (47457-V)). Syarikat Unit Amanah Permodalan Nasional Berhad (197801001190 (38218-X)).

# PENGAGIHAN PENDAPATAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2021

## DANA HARGA BERUBAH



**ASN Equity 5**

Jumlah Pulangan<sup>1</sup>

**11.46%**

Hasil Dividen<sup>1</sup>

**2.95%**

Nota:<sup>1</sup> Pengiraan Jumlah Pulangan dan Hasil Dividen bagi setiap dana adalah berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) terkini pada 23 September 2021.

Prospektus Induk Gantian ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Kenyataan Penafian Pengiklanan Produk ASNB dan Perkhidmatan Berkaitan

Berdasarkan Garis Panduan Pengiklanan bagi Produk Pasaran Modal dan Perkhidmatan Berkaitan, sebarang iklan dan bahan promosi yang dihasilkan oleh ASNB telah disemak oleh Jabatan Pematuhan, Permodalan Nasional Berhad dan tidak perlu disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Amanah Saham Nasional Berhad (197901003200 (47457-V)). Syarikat Unit Amanah Permodalan Nasional Berhad (197801001190 (38218-X)).

# PENGAGIHAN PENDAPATAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2021

## DANA HARGA BERUBAH



**ASN Sara 2**

Jumlah Pulangan<sup>1</sup>

**4.04%**

Hasil Dividen<sup>1</sup>

**2.75%**

Nota:<sup>1</sup> Pengiraan Jumlah Pulangan dan Hasil Dividen bagi setiap dana adalah berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) terkini pada 23 September 2021.

Prospektus Induk Gantian ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Kenyataan Penafian Pengiklanan Produk ASNB dan Perkhidmatan Berkaitan

Berdasarkan Garis Panduan Pengiklanan bagi Produk Pasaran Modal dan Perkhidmatan Berkaitan, sebarang iklan dan bahan promosi yang dihasilkan oleh ASNB telah disemak oleh Jabatan Pematuhan, Permodalan Nasional Berhad dan tidak perlu disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Amanah Saham Nasional Berhad (197901003200 (47457-V)). Syarikat Unit Amanah Permodalan Nasional Berhad (197801001190 (38218-X)).